

Bil. 23

Isnin

1 Julai 2024



M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Membendung Kes Pemerdagangan Rakyat Malaysia**
- *YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)* (Halaman 1)
- **Kenaikan Kos Premium Insurans Perubatan**
- *YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)* (Halaman 6)
- **Pemuliharaan Muara Sungai Setiu**
- *YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)* (Halaman 12)
- **Naik Taraf Mini Stadium Sungai Tarom, serta Bina Baharu dan Baik Pulih Kemudahan Sukan di Parlimen Setiu**
- *YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)* (Halaman 15)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 1 Julai 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor)
mempergerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

MEMBENDUNG KES PEMERDAGANGAN RAKYAT MALAYSIA

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar Yang Berhormat. *[Selawat]* Silakan Yang Berhormat.

2.34 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Timbalan Speaker. Dato' Timbalan Speaker, tajuk pertama ucapan Kamar Khas saya pada petang ini ialah “Membendung Kes Pemerdagangan Rakyat Malaysia”.

Tuan Yang di-Pertua, Harian Metro pada 5 November, 2023 melaporkan hampir 2,000 orang rakyat Malaysia menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang masih terperangkap di beberapa negara jiran dan tidak dapat diselamatkan sejak setahun yang lalu. Malah di Myanmar sahaja, dikatakan terdapat 1,200 orang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket tersebut. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution mengakui sejak lima tahun kebelakangan ini, angka mangsa pemerdagangan manusia telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, ramai anak muda kita telah diperdaya oleh sindiket yang menawarkan peluang pekerjaan dengan gaji yang lumayan di luar negara. Akhbar Harian Metro bertarikh 10 Februari, 2023 melaporkan bahawa pada Disember 2022, Kementerian Luar Negeri telah menerima 488 laporan rakyat Malaysia yang menjadi mangsa jenayah sindiket penipuan tawaran pekerjaan di Kemboja, Laos, Myanmar dan Thailand. Seramai 359 orang telah dapat diselamatkan manakala 129 orang lagi masih belum dapat dikesan.

Lebih buruk lagi, mangsa-mangsa tersebut dipaksa melakukan pelbagai kegiatan jenayah seperti menjadi *scammer* dan judi dalam talian haram. Ini boleh menjelaskan imej negara kita. Mereka yang enggan mematuhi arahan sindiket pula akan dicederakan, dicacatkan anggota badan atau dibunuh. Sinar Harian pada 12 Disember, 2023 melaporkan seorang warga Malaysia telah diculik dan dibunuh oleh para penculiknya di Manila, Filipina walaupun wang tebusan sebanyak RM330,000

telah dibayar oleh keluarga mangsa. Mohon agar Wisma Putra dapat menggesa siasatan mendalam berhubung kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, terdapat keperluan untuk mempertingkat pemantauan terhadap rakyat Malaysia yang ingin bekerja di luar negara. Pada pandangan saya, sudah sampai jawatankuasa khas melibatkan pelbagai agensi seperti polis, imigresen dan Wisma Putra ditubuhkan untuk menangani isu tersebut secara bersepada. Sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan satu mekanisme kawalan pengambilan rakyat Malaysia untuk bekerja di luar negara. Ini perlu agar kerajaan dapat memantau keberadaan dan pergerakan mereka semasa bekerja di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, *point* yang ketiga, isu rakyat Malaysia ditipu sindiket harus dijadikan pengajaran untuk semua. Rakyat Malaysia khasnya golongan muda dan wanita harus diberi kesedaran mengenai risiko memohon pekerjaan di luar negara dan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum mereka menerima sebarang tawaran pekerjaan di luar negara. Usaha ini perlu dipertingkat dengan kerjasama Wisma Putra, polis, institusi-institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan (NGO). Kempen kesedaran ini perlu diadakan sepanjang masa di seluruh pelosok negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mohon mencadangkan agar Kerajaan Malaysia bekerjasama dengan lebih rapat lagi melalui pertubuhan ASEAN dan mendorong negara-negara jiran yang terbabit agar bertindak tegas membantu membebaskan rakyat Malaysia yang menjadi mangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, silakan.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka atas persoalan dan keprihatinan Yang Berhormat berkaitan sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan.

Izinkan saya berkongsi statistik terkini bahawa setakat 10 Jun 2024, Kementerian Luar Negeri melalui Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan telah berjaya menyelamatkan 659 orang warganegara Malaysia yang terlibat dengan sindiket penipuan tawaran pekerjaan dan menghantar mereka pulang ke Malaysia, manakala 187 orang lagi sedang dijejaki. Ini menjadikan jumlah warganegara Malaysia yang terlibat seramai 846 orang. Jumlah ini adalah berdasarkan laporan yang diterima daripada waris, ahli keluarga, rakan, polis dan individu itu sendiri.

Dalam hal ini, statistik yang dilaporkan dalam berita atau akhbar yang menyatakan terdapat 2,000 orang masih terperangkap di luar negara adalah tidak padan dengan jumlah laporan yang kami terima dan tidak boleh disahkan.

■1440

Ada juga situasi di mana terdapat warganegara Malaysia yang bekerja dengan rela hati dan memegang jawatan tinggi dalam sindiket. Dalam situasi ini, kebiasaan tiada laporan akan dibuat sehingga mereka menghadapi masalah seperti didera, berhutang dengan majikan, atau dihalang untuk pulang ke Malaysia.

Berdasarkan pemerhatian, bilangan laporan yang diterima juga menunjukkan penurunan dalam trend semasa. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedar bahawa terdapat lagi warganegara Malaysia yang masih bekerja dengan sindiket,

sama ada secara sukarela atau diperdaya. Oleh itu, pihak kementerian akan meneruskan usaha untuk mengesan mereka dan menghulurkan bantuan konsuler sewajarnya.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya berkongsi sedikit berkaitan modus operandi sindiket penipuan pekerjaan. Sindiket ini beroperasi merekrut warganegara Malaysia melalui medium pengiklanan media sosial seperti Facebook, WeChat, WhatsApp untuk bekerja di luar negara dengan tawaran yang menarik seperti gaji yang lumayan. Ada yang mengatakan melebihi USD2,000.00 ke atas, tambang penerangan dan penginapan percuma dan kebebasan untuk berjudi secara pinjaman.

Ini menjadikan ramai anak muda terperdaya kerana kebanyakan mereka datang daripada latar belakang kurang berpendidikan, hidup susah dan mempunyai masalah rekod jenayah lampau di Malaysia. Apabila sampai di destinasi, mereka akan bekerja sebagai *scammer* dan melakukan operasi penipuan atas talian melalui pelbagai cara termasuk *love scam* dan *Macau scam* atau mengendalikan *online casino*.

Walaupun berita berkaitan dengan sindiket jenayah penipuan pekerjaan telah dilaporkan secara meluas di surat akhbar dalam pelbagai bahasa dan melalui saluran media yang lain, terdapat juga segelintir yang sanggup mengambil risiko untuk menerima tawaran pekerjaan ini tanpa mengambil langkah berjaga-jaga demi wang yang telah dijanjikan kepada mereka.

Di dalam hal ini, dengan mengambil kira kebebasan pergerakan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia yang mempunyai pasport sah keluar dan masuk ke dalam negara, pemantauan terhadap rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara sukar dilaksanakan. Namun, kementerian ini bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kota Melaka bahawa satu jawatankuasa boleh diperhalusi bagi mendapat cadangan-cadangan yang pragmatik di dalam mencapai satu keseimbangan di antara keselamatan individu dan kebebasan bergerak, atau dengan izin, *freedom of movement*.

Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, sementara itu, satu jawatankuasa khas, atau dengan izin, *task force* telah diwujudkan oleh Jemaah Menteri pada September 2022 yang melibatkan kementerian dan agensi yang berkaitan seperti PDRM, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Imigresen Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Task force ini dipengerusi oleh Kementerian Luar Negeri dengan mengambil kira keberadaan Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negara yang mempunyai jalinan kerja yang baik dengan negara-negara tuan rumah yang membolehkan kementerian ini melaksanakan jalinan kerja pelbagai hala serentak yang melibatkan agensi-agensi negara tuan rumah dan semua ahli jawatankuasa *task force* di Malaysia.

Dengan kerjasama agensi-agensi di negara tuan rumah, Kementerian Luar Negeri telah dapat memudah cara urusan menyelamat dan penghantaran pulang warganegara Malaysia. Malah, kementerian ini sentiasa berhubung rapat dengan PDRM bagi tujuan perkongsian maklumat dan memastikan setiap warganegara yang terlibat dalam sindiket akan diambil keterangan untuk membantu siasatan apabila mereka pulang ke Malaysia.

Kementerian ini juga sentiasa berhubung rapat dengan kedutaan asing di Kuala Lumpur yang terlibat. Pada masa yang sama Pihak Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak berkuasa

tempatan di negara yang terlibat dalam usaha-usaha menjelaki mangsa warganegara Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, kemen kesedaran sedang dilaksanakan oleh kementerian ini dan sudah tentunya akan diteruskan sepanjang masa. Pihak kementerian sentiasa aktif mengambil bahagian dan menyertai program-program seperti Program MADANI Rakyat di setiap zon di mana pegawai-pegawai kami turun padang memberikan ceramah dan bercakap dengan golongan muda tentang isu ini.

Baru-baru ini, saya sendiri telah mengetuai Program Diplomasi Awam yang telah diadakan di Sabah di mana pelajar universiti dan orang awam telah diberi ceramah dan khidmat nasihat berkaitan isu ini. Video pendek telah dimuat naik di TikTok bagi menarik perhatian golongan muda. Usaha-usaha ini akan diadakan secara berterusan dan tidak akan terhenti.

Secara ringkasnya, kami akan mendidik warganegara supaya sentiasa berwaspada dan menyemak tawaran pekerjaan dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia atau Pejabat Perwakilan Malaysia bagi memastikan syarikat ini betul-betul sah dan wujud. Warganegara Malaysia juga hendaklah memastikan terdapat kontrak dan permit bekerja yang sah, berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia dan tidak menyerahkan pasport kepada sesiapa tanpa alasan yang munasabah.

Dato' Yang di-Pertua, isu sindiket penipuan tawaran pekerjaan ini telah dibangkitkan di peringkat Menteri-menteri Luar ASEAN di Labuan Bajo, Indonesia pada Mei 2023 dan di Jakarta pada September 2023. Namun cadangan Yang Berhormat Kota Melaka agar kerjasama ASEAN di dalam hal ini boleh diperhalusi, terutamanya sempena Malaysia menjadi Pengurus ASEAN pada tahun 2025. Kerjasama yang meningkat jalinan perisikan dan perlaksanaan pembasmian sindiket-sindiket penipuan tawaran pekerjaan di negara-negara anggota ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan kes di Manila yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Melaka, ianya tidak melibatkan isu jenayah sindiket tawaran pekerjaan tetapi melibatkan jenayah yang lain. Pihak kami melalui Kedutaan Besar Malaysia di Manila sentiasa memantau rapat kes ini dan mendapat kerjasama yang baik daripada pihak berkuasa Filipina. Saya turut difahamkan bahawa tindakan undang-undang sedang diambil oleh pihak berkuasa di negara tersebut, di mana suspek telah pun ditangkap untuk proses perundangan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan dan juga kita menghargai usaha yang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dalam isu ini. Jadi, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan kes pembunuhan di Manila tersebut, bolehkah Wisma Putera bantu keluarga mangsa supaya dapat status yang terkini. Kalau mengikut jawapan, suspek telah ditahan. Jadi, bilakah proses perundangan itu akan dijalankan? Sebab keluarga mangsa juga ingin tahu perkembangan terkini.

Juga, adakah antara kerajaan dengan kerajaan, bolehkah Kerajaan Malaysia mengemukakan tuntutan kerana rakyat kita telah dibunuh di negara mereka. Adakah jenis tuntutan sedemikian yang boleh kita bantu keluarga mangsa untuk kita tuntut sedikit pampasan ataupun wang tunai daripada pihak Kerajaan Filipina.

Selanjutnya, tentang kemen kesedaran. Saya lihat di beberapa negara di mana salah satu cara mereka buat ialah bagi penerbangan ke destinasi negara-

negara yang berisiko tinggi ini, sebelum pelepasan, mereka akan adakan satu taklimat dan akan memanggil semua penumpang tempatan, rakyat dia untuk mendengar, mungkin lima minit ataupun sepuluh minit penerangan tentang adanya sindiket sedemikian menawarkan pekerjaan dengan gaji yang lumayan.

Supaya inilah saat-saat yang terakhir yang dapat kita selamatkan mereka daripada menaiki penerbangan tersebut untuk selanjutnya ditipu. Ini telah dilakukan di beberapa negara. Barangkali kita boleh gunakan cara yang sama. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

■1450

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang pertamanya, kita memang sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa sentiasa mengikuti rapat perkembangan kes ini dan sentiasa mendapat maklumat dari pejabat perwakilan kita yang berada di Manila.

Mereka sedang memantau dengan rapat tentang perkembangan yang saya nyatakan tadi bahawa pihak berkuasa Filipina juga sedang mengambil tindakan undang-undang terhadap suspek. Suspek dalam kes ini telah pun ditangkap dan sedang melalui proses perundungan di negara tersebut. *Insya-Allah* kami akan mendapatkan maklumat terkini tentang perjalanan kes rakyat kita yang berada di Manila.

Bukan sahaja di Manila tetapi di seluruh negara, di seluruh dunia. Mana-mana rakyat kita yang dibicarakan, yang melalui proses perundungan, maklumat akan sampai ke pejabat perwakilan kita atau kedutaan kita di mana-mana negara tersebutlah. Nanti kalau dapat saya akan kongsikan juga kepada Yang Berhormat tentang perkembangan terkini mengenai kes undang-undang tersebut.

Keduanya, soal ganti rugi ini Dato' Speaker, *this is a criminal case*. Ia bukan kes sivil yang tidak melibatkan penipuan pekerjaan, tidak melibatkan apa-apa kecederaan di waktu bekerja dan sebagainya tetapi adalah kes jenayah yang lain dan tidak kena mengena dengan sindiket penipuan pekerjaan. Dia memang bekerja di Manila tetapi dengan syarikat yang lain, *online gaming* juga *casino online* Dato' Speaker, tetapi kes bunuh berlaku tidak kena mengena dengan skop kerja beliaulah.

Jadi saya fikir untuk ganti rugi itu mungkin agak sukar tetapi walau bagaimanapun pihak korban atau pun mangsa sentiasa boleh menggunakan *avenue* yang ada. Contoh, mungkin boleh melantik peguam mereka yang berada di Manila sebagai *watching brief* dan untuk menilai, mengkaji kes anak guam mereka sama ada ruang-ruang yang mungkin pihak keluarga boleh tuntut ganti rugi mengenai kes itu.

Ketiganya, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa kita sentiasa aktif untuk mengadakan kempen-kempen kesedaran ini tetapi kita amat terkilan dan amat sedih Dato' Speaker. Kebanyakan kes atau pun laporan-laporan yang kita terima ini, maklumat daripada PDRM sewaktu mereka membuat pembentangan dalam Mesyuarat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran ini pada 26 Februari yang lepas Dato' Speaker.

Laporan mengatakan bahawa kira-kira 90 peratus mangsa didapati bukan mangsa. 90 persen yang dikatakan mangsa itu bukan mangsa tetapi mereka ini adalah yang terlibat dalam sindiket jenayah penipuan, bahkan mereka memegang jawatan yang agak tinggi dalam syarikat di mana mereka bekerja. Jadi Speaker, jadi bukan *mis - job scam* secara amnya. Tetapi *they are criminals* dengan izin, terlibat dalam sindiket penipuan. Apabila mereka menghadapi masalah didera oleh majikan atas faktor-faktor lain, kemudian mereka tidak dibenarkan balik, barulah mereka tampil ke hadapan buat laporan kononnya mereka ditipu tetapi mereka adalah

sebahagian daripada operator-operator *job scam* ini. Ini laporan daripada PDRM yang kita terima.

Jadi, *insya-Allah* kita akan terus membuat program kesedaran, turun padang untuk mempelbagaikan lagi cara-cara kempen kita selain dari apa yang saya sebutkan tadi. Program Jelajah MADANI kita buat, kita buat program di media-media sosial juga, kita tampil juga di TV, macam-macam. Jadi, *insya-Allah* cadangan Yang Berhormat tadi untuk kita buat hebahan sebelum terbang ke luar negara, dalam kapal terbang itu mungkin satu cadangan yang baik dan mungkin kita kena perhalusi dalam jawatankuasa *task force* kita dan kita akan sampaikan kepada mana-mana agensi untuk diteliti dan dikaji lah cadangan Yang Berhormat Kota Melaka. Terima kasih Dato' Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Setiausaha

KENAIKAN KOS PREMIUM INSURANS PERUBATAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat.

2.55 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, usul saya yang kedua pada hari ini adalah untuk memohon agar Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia mengambil langkah tegas mengawal selia perkembangan insurans di negara kita berhubung dengan isu kenaikan kos premium insurans perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, dua pihak yang terlibat dalam penentuan kos premium insurans perubatan adalah Bank Negara sebagai wakil kerajaan dan Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (ITO) di pihak swasta. Sejak kebelakangan ini, para pengguna telah dibelenggu dengan masalah kenaikan kos premium insurans perubatan yang drastik. Terdapat beberapa kemungkinan penyebab utama kenaikan kos perubatan. Pertama, keadaan kesihatan rakyat yang semakin merosot. Kedua, penuaan penduduk yang menyebabkan bilangan warga emas yang memerlukan perkhidmatan kesihatan semakin meningkat dan ketiga, kos perubatan di Malaysia telah meningkat melebihi 12 peratus setahun.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mencadangkan agar polisi insurans perubatan lebih menarik dan memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat diperkenalkan. Bank Negara perlu mengkaji semula dan meminda Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 supaya akta ini dapat mengawal ketat hal penetapan polisi dan premium insurans untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada para pengguna. Ini dapat mengelakkan para pemegang polisi insurans perubatan daripada menanggung bayaran premium yang meningkat secara mendadak sehingga tidak mampu membayarnya apabila semakin tua.

Adalah menjadi pengetahuan umum, pihak hospital swasta akan mengenakan caj perubatan yang tinggi jika pesakit memiliki kad insurans perubatan. Justeru itu, saya mencadangkan agar para pemegang polisi yang tidak pernah membuat tuntutan insurans perubatan harus diberi insentif *No Claim Bonus* seperti insurans kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang kedua ialah di mana Bank Negara memainkan peranan yang lebih besar dalam memperkenalkan suatu mekanisme penetapan kos premium insurans perubatan yang lebih sesuai untuk mewujudkan

keadaan menang-menang bagi semua iaitu pihak penanggung insurans, hospital swasta dan juga pemegang polisi. Syarikat penanggung insurans harus meletakkan pelanggan pada kedudukan yang lebih penting.

Setiap tahun, kerajaan memberi peruntukan kewangan besar kepada Kementerian Kesihatan, umpamanya RM41.2 bilion dalam Bajet 2024. Sering kedengaran desas desus penglibatan orang tengah dalam pembekalan perubatan kerajaan. Maka diharap siasatan dapat dijalankan dalam hal ini supaya sistem pembelian bekalan perubatan kerajaan dapat diperbaiki bagi menghapuskan peranan orang tengah dan wang yang dijimatkan dapat digunakan dengan lebih baik untuk kepentingan rakyat.

Poin saya yang ketiga, kerajaan harus mempertimbangkan cara untuk membantu rakyat mendapatkan perkhidmatan perubatan yang lebih baik di luar hospital kerajaan. Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan boleh bekerjasama secara aktif dengan PERKESO dan juga syarikat penanggung insurans untuk menyediakan pelan perlindungan yang lebih fleksibel kepada rakyat yang memerlukan perlindungan perubatan asas. Ini membolehkan hospital kerajaan menyediakan perkhidmatan perubatan yang lebih baik untuk rakyat yang memerlukan khasnya pesakit dari kalangan golongan B40.

■1500

Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Penetapan premium atau sumbangan produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan dengan izin *Medical And Health Insurance And Takaful* (MHIT) lazimnya mengambil kira peningkatan kos perubatan, trend tuntutan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan kesihatan, inflasi kos perubatan yang tinggi dan 'sindrom bufet' merupakan faktor utama yang mendorong peningkatan premium atau sumbangan produk MHIT.

Berhubung cadangan Yang Berhormat, terdapat beberapa syarikat insurans di Malaysia yang menawarkan produk MHIT yang memberi insentif kepada pemegang polisi yang tidak membuat tuntutan, seperti produk yang mempunyai ciri bonus tanpa tuntutan *No Claims Bonus* (NCD) dengan izin.

Penawaran produk MHIT yang mempunyai insentif tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif syarikat insurans dan pengendali takaful, *Insurers and Takaful Operators* (ITO's) dengan izin untuk menggalakkan penggunaan produk MHIT yang lebih berhemat serta menawarkan pilihan yang lebih luas kepada pengguna.

Namun begitu, pihak Bank Negara Malaysia tidak berhasrat untuk mewajibkan setiap ITO yang menawarkan produk MHIT untuk memperkenalkan produk yang mempunyai insentif tersebut, terutamanya yang mempunyai ciri bonus tanpa tuntutan. Ini memandangkan, pengenalan produk tersebut boleh mengakibatkan kesan yang tidak diingini seperti pemegang polisi melengah-lengahkan atau tidak mendapatkan rawatan kesihatan atau perubatan yang diperlukan demi melindungi tahap NCD mereka. Dalam jangka masa panjang, ini mungkin akan memudaratkan kesihatan pengguna.

Oleh itu, sebarang perluasan manfaat MHIT perlu dikaji dengan teliti kerana MHIT adalah berdasarkan konsep pengumpulan risiko (*risk pooling*) dengan izin, di mana premium insurans atau sumbangan takaful yang diterima akan digunakan untuk saling membaiayai kos perubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai salah satu langkah bagi menangani kenaikan premium insurans atau sumbangan takaful produk MHIT secara mendadak, bermula suku ketiga tahun ini, pihak Bank Negara Malaysia telah mewajibkan ITO yang menawarkan produk MHIT yang baharu untuk memperkenalkan ciri-ciri perkongsian kos dalam produk MHIT. Ini bertujuan untuk mendorong penggunaan perkhidmatan kesihatan yang lebih bertanggungjawab dan seterusnya merendahkan kos yang perlu dibiayai bersama oleh pool tersebut.

Tindakan ini juga dapat mengurangkan tuntutan palsu dan seterusnya dapat merendahkan kos secara keseluruhan serta meningkatkan kemampaman jangka panjang produk MHIT. Berdasarkan pengalaman di beberapa buah negara, produk MHIT yang mempunyai ciri-ciri perkongsian kos mempunyai kadar premium insurans atau sumbangan takaful yang lebih rendah berbanding dengan produk tanpa ciri-ciri perkongsian kos.

Dato' Yang di-Pertua, selain itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan keperluan kepada syarikat ITO untuk memastikan produk MHIT kekal mampan dan mampu milik menerusi penubuhan pangkalan data tuntutan bersepadu. Penubuhan pangkalan data tuntutan bersepadu ini dapat membantu pihak ITO untuk mengenal pasti dan menangani peningkatan kos tuntutan perubatan dengan lebih baik.

Pangkalan data ini membolehkan pihak ITO membanding caj yang dikenakan oleh hospital swasta yang berbeza serta memantau inflasi tuntutan tahunan keseluruhan industri ITO. Pangkalan data ini juga akan membuka jalan ke arah penerbitan kos perubatan untuk prosedur-prosedur biasa bagi memudahkan pengguna membuat keputusan mengenai kemudahan rawatan dan pembelian insurans berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Cadangan-cadangan Yang Berhormat yang lain memerlukan perbincangan lanjut dengan kementerian-kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Dato' Yang di-Pertua, saya hendak kongsi satu kisah benar. Pak cik saya hari itu mata dia sakit. Dia pergi ke hospital swasta sebab kalau pergi ke hospital awam barangkali perlu tunggu lama. Jadi, dia pergi ke hospital swasta.

Doktor semak, dia kata perlu buat laser. Jadi, pak cik saya tanya dia berapa harga kalau hendak buat laser. Dia kata kurang daripada RM3,000. Jadi, selepas itu pak cik saya kata dia ada *medical card*, kad perubatan, insurans perubatan. Jadi, dia kata boleh pakai. Doktor kata boleh pakai dan dia masuk, dia buat laser. Keluar, bil dia sudah jadi RM6,000.

Jadi, ini memang yang sekarang yang berlaku di pasaran di luar sana. Kalau ada perbezaan pengenaan bayaran. Kalau bayar dengan wang sendiri secara individu harganya lebih murah. Tetapi kalau ada *medical card*, dia akan kenakan bayaran yang paling maksimum oleh hospital swasta. Jadi, dalam isu ini kita lihat sebenarnya boleh kurang daripada RM3,000. Tetapi kalau ada kad *medical* dia akan

caj paling atas sehingga ada laporan yang mengatakan mereka yang sakit pergi ke hospital swasta, pergi ke *emergency* duduk atas kerusi roda itu, bila bil – bila dia hendak keluar hospital, bil itu termasuk duduk kerusi roda itu. Dia pun caj RM50. Jadi, sesuatu yang kita harus lihat dengan serius.

Dalam isu ini, saya perlu tegaskan di sini bahawa doktor tidak ada masalah. Yang saya lihat doktor-doktor pakar semua mereka memang profesional. Caj mereka memang *reasonable*. Kalau *you* tidak ada *medical card*, *you* kata saya perlu bayar sendiri, selalunya doktor dia akan kurangkan yuran profesional dia. Dia akan kurangkan lagi. Tetapi yang masalah ialah pihak hospital swasta. Kita lihat semua laporan tahunan kewangan hospital swasta tidak ada yang akan rugi. Semuanya untung besar-besar.

Jadi, dalam isu ini kita perlu ada satu mekanisme yang lebih menyeluruh untuk kita mengawal caj yang dikenakan oleh hospital swasta. Sebab akhirnya apa yang akan berlaku kalau pemegang *medical card* ini mereka tidak mampu hendak bayar, akhirnya dia terpaksa batalkan kad tersebut dan apabila ada apa-apa masalah dia akan terpaksa pergi ke hospital awam. Dan hospital kerajaan terpaksa menanggung beban yang lagi besar.

Jadi, dalam isu ini syarikat insurans juga setiap tahun laporan kewangan tahunan mereka mesti untung besar-besar. So, dua komposisi ini sepatutnya bantu untuk mereka memainkan peranan CSR mereka. Dalam usaha mereka mengejar keuntungan, sepatutnya mereka bantu kerajaan untuk menangani masalah ini. Jadi, sebab itu saya cadangan saya – Saya hendak tunjuk kepada Dato' Yang di-Pertua. Dia pemegang polisi ini, bila dia beli dia bayar RM3,648.

Selepas tiga tahun, syarikat insurans bagi tahu dia oleh kerana seperti dalam jawapan, kos insurans terpaksa dinaikkan kerana kadar inflasi perubatan telah meningkat 19 peratus, kadar tuntutan purata.

Ertinya bila orang pergi tuntut bil itu, dari purata RM4,300 sudah meningkat kepada RM7,338. Orang yang buat tuntutan 1,000 orang yang ada kad itu, dahulu ialah 110 orang ada tuntut sekarang sudah jadi 155. Maka, mereka perlu naikkan premium kepada RM7,968. Kenaikan hampir 120 peratus. Jadi, pemegang kad *medical* itu dia terpaksa batalkan sebab dia tidak boleh bayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soal membeli.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya. Jadi, saya hendak minta supaya satu mekanisme untuk kita kawal caj yang dikenakan oleh hospital swasta itu. Itu yang paling penting.

Kedua, Bank Negara merupakan agensi yang akan meluluskan semua kenaikan premium insurans perubatan. Jadi, Bank Negara sepatutnya melihat dari sudut bagaimana kita hendak menjaga kepentingan pemegang polisi kad perubatan ini supaya terutama apabila mereka menjadi tua, masa itu mereka lah yang memerlukan kad tersebut tetapi mereka tidak mampu hendak menanggung dan mereka terpaksa batalkan dan terpaksa menunggu di hospital kerajaan dan kerajaan pula perlu menanggung kos yang tinggi.

■1510

Jadi dalam hal ini saya ada beberapa cadangan. Yang pertama mungkin kita perlu ada satu sekatan di mana kalau mereka kata ada inflasi, julat tersebut tidak boleh melebihi 20 peratus sebab sekarang julat dia boleh naik sampai 120 peratus. Itu tidak masuk akal sebab semua *insurance company* mereka ada pakar kira-kira. Setiap tahun, tahun kedua, tahun ketiga berapa? Kamu sudah kira tentang kadar inflasi? Kenapa pula tiba-tiba dalam tiga tahun boleh naik 120 peratus? Itu yang pertama.

Keduanya, saya merujuk kepada *Operating Cost Control For Life Insurance And Family Takaful Business* yang dikeluarkan, yang disediakan oleh Bank Negara pada tahun 2019. Di sini ada mengatakan tentang komisen yang akan diterima oleh agen. Hari ini komisen yang diterima oleh agen ialah 171 peratus. Barangkali sudah tiba masanya kita kaji semula supaya komisen ini kalau kita dapat jimatkan kita boleh kurangkan premium yang dikenakan kepada pemegang. Saya harap sudah tiba masanya ada integrasi antara syarikat insurans, Bank Negara dengan PERKESO untuk kita *come out* satu pakej kad perubatan yang lebih dapat ditanggung oleh rakyat dapat diperkenalkan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Tidak mengapa, panjang sedikit. Kita umur pun sudah enam puluhan. Kita kena hadapi benda ini juga.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya, ya betul. Ini memang masalah seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Kota Melaka. Memang benar tentang kos perubatan itu tetapi untuk maklumat Dato' Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat, *I think* perkara tentang caj atau kos di hospital swasta ini kita kena bincang – perbincangan lanjut dengan Kementerian Kesihatan, dengan hospital swasta dalam isu pengawalan kos hospital swasta. Ini saya akan berikan kepada – *pass to* Kementerian Kesihatan.

Berkenaan dengan faktor yang menyebabkan inflasi kos perubatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar inflasi trend perubatan *cumulative* dari tahun 2020 hingga 2022 adalah 36.3 peratus. Inflasi kos perkhidmatan perubatan yang tinggi didorong oleh peningkatan kos bekalan dan perkhidmatan hospital termasuk kos perubatan, penggunaan teknologi perubatan yang lebih moden serta peningkatan penggunaan perkhidmatan kesihatan susulan Pandemik 19.

Bagi peningkatan kos rawatan perubatan, menurut *2024 Global Medical Trend Rates Report* oleh AON, kadar inflasi trend perubatan Malaysia meningkat pada kadar 10 peratus pada tahun 2022 dan 12.6 peratus pada 2023. Yang ini memang jauh lebih tinggi daripada purata global sebanyak 5.0 peratus pada 2022 dan 5.6 peratus pada 2023. Jadi ini memang satu hakikat peningkatan kos perubatan di Malaysia lebih tinggi secara purata global. Sekali lagi kita kena bincang dengan Kementerian Kesihatan.

Dari segi tentang komisen. Untuk maklumat Yang Berhormat dan untuk maklumat Dato' Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah menetapkan had komisen maksimum agen insurans dan takaful untuk penjualan produk MHTI. Seperti Aspirasi Pelan Sektor Kewangan 2022-2026, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji semula dan memperkuuh rangka kerja incentif untuk agen insurans dan takaful bagi memastikan pengalaman pengguna yang baik.

Seiring dengan ini, bagi meningkatkan profesionalisme agen insurans dan takaful dan perlindungan pengendalian perniagaan yang menggalakkan hasil yang saksama kepada pengguna kewangan, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Polisi Profesionalisme Agen Insurans dan Takaful bagi meningkatkan keupayaan dan integriti pengantara insurans dan takaful. Polisi ini menetapkan ITO bertanggungjawab memastikan setiap agen adalah cekap, berkelayakan dan bertindak secara profesional demi kepentingan terbaik pelanggan bagi setiap masa.

Saya hendak sebab tadi pun ada sebut tentang kementerian yang lain, berhubung dengan cadangan yang lain, di sini Kementerian Kewangan hendak

menegaskan isu peningkatan kos insurans adalah didorong oleh inflasi kos perubatan yang memerlukan tindakan bersepadau oleh semua pihak, dengan izin, *whole-of-nations* untuk memastikan akses kesihatan dan pula MHIT kekal mampan dan mampu milik dalam jangka masa panjang.

Kerjasama di antara pihak Bank Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia untuk PERKESO, industri ITO, hospital dan doktor juga sedang dipergiatkan untuk membincangkan tindakan-tindakan untuk mengawal kos perubatan dan isu berkaitan caj hospital.

Antaranya kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan inisiatif yang terkandung di dalam kertas putih kesihatan berkaitan pemerkasaan sistem kesihatan negara dan juga mengambil kira isu penuaan penduduk dan pesara dalam jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Boleh saya tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua? Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Saya yang hendak tambah. Duduk Yang Berhormat.

Yang Berhormat, mungkin isu ini, mungkin *one of the* kementerian dengan izin hal ehwal pengguna. Kalau katakan *too high*, julat itu terlampau tinggi, sampai 120 persen, saya pun *look it's very bad. May be* kalau ada satu *avenue*, pesakit-pesakit ini tidak puas hati atas *bills, they can go to*. Ini cadanganlah. Sila. Sedikit sahaja.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *Actually*, saya hendak cakap apa yang Dato' Speaker kata sebab mereka – bila mereka tanda tangan beli kad *medical* tersebut mereka sudah ada jadual. Bila umur berapa, harga sudah berapa. Maka tidak sepatutnya mereka setiap tiga tahun dia kata oh sekarang inflasi berlaku maka saya hendak tukar harga tersebut.

Seperti juga kita beli rumah. Kalau tahun ini diesel naik, dia tidak boleh kata sekarang saya hendak tukar harga sebab itu telah ditetapkan. Mereka sudah ada jadual. Jadi mereka tidak sepatutnya dalam tiga tahun naik 120 peratus. Itu rasa Bank Negara harus ambil tindakan sekarang serta-merta. Kawal. Kalau hendak naik mungkin 20 peratus, 30 persen macam itu. Tidak boleh berleluasa sebegini.

Tentang *No Claim Bonus* (NCB) yang tadi disebut kalau kita *implement* NCB, sekarang memang ada tetapi saya rasa sekarang ialah kalau *you* tidak ada *claim* dia akan meningkatkan *coverage*. Bukan dia kurangkan bayaran premium. Yang kita cadangkan ialah seperti kenderaan. Dia kalau tidak ada *claim*, maka diskau ke atas premium dan juga kalau kata *implement* NCB ini maka mereka tidak mahu pergi *claim*, nanti akan jejakkan kesihatan. Saya tidak terima hujah sebegini seperti kenderaan juga. Kalau eksiden sikit-sikit, kita akan tanggung sendiri. Kalau serius sangat kita mesti akan *claim* insurans. Sama juga kalau kita sakit sikit-sikit punya sakit, kita bayarlah sendiri tetapi kalau banyak kita akan *claim*.

Kalau kita buat macam itu, *claim ratio* yang selalu di-*claim* oleh syarikat insurans kata ramai pergi *claim*, purata *claim* itu tinggi, dia akan kurang kalau anda ada NCB ini. Pandangan saya adalah sebaliknya. Itu sahaja Dato' Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih. Menteri kalau hendak jawab, jawab. Kalau tidak saya akan ke soalan yang seterusnya.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sedikit juga. Kita memang akan – Kita di sini terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka kerana banyak beri cadangan. Kita akan *consider* dan...

Jadual yang berkenaan hanya ada satu anggaran kepada penanggung insurans. Akan tetapi walau bagaimanapun kita akan ambil cadangan dan tentang NCB itu betul tetapi kita – sebab Bank Negara kita kena lihat secara *bigger picture*. Walau bagaimanapun kita akan mengkaji semula. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, *as what I was saying* kadang-kadang tidak puas hati bil itu, *there must be a place where they can complaint*. Itulah. Terima kasih. Terus. Setiausaha.

PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI SETIU

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat silakan.

■1520

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Timbalan Dato' Yang di-Pertua. Saya pergi kepada ucapan saya berkaitan dengan pemuliharaan muara Sungai Setiu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya terlebih dahulu merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas kelulusan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu yang telah ditawarkan kepada kontraktor sebanyak RM116 juta. Pihak kami yakin perlaksanaan projek ini akan memberi impak yang besar kepada masyarakat.

Namun begitu, beberapa perkara perlu dilihat dan dikaji semula oleh pihak kementerian. Yang pertama, pengerukan di kawasan ikan sangkar. Mengikut skop projek ini, kerja-kerja pengerukan sungai tidak sampai ke lokasi zon akuakultur yang ketika ini diusahakan oleh 70 orang pengusaha.

Setiap tahun, pengusaha-pengusaha ikan sangkar ini mengalami kerugian kerana kematian ikan akibat kekurangan oksigen ekoran masalah air yang tidak mengalir. Ini berpunca daripada beting pasir yang menghalang laluan air pasang dan kawasan ternakan yang semakin cetek.

Isu ini semakin serius apabila berlaku aliran masuk air tawar dari Tasik Berombak ke kawasan sungai yang mengubah tahap kemasinan air sungai. Bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan agar kawasan zon akuakultur dan beting-beting pasir yang berhampiran dibuat pengerukan juga.

Yang kedua, pengerukan di sebelah utara struktur pemecah ombak. Mengikut skop projek, kerja-kerja pengerukan juga akan dilaksanakan di sebelah utara struktur benteng pemecah ombak. Kawasan ini menghadapi masalah air cetek yang serius dan menyukarkan laluan pelayaran nelayan dari Kampung Fikri, Kampung Gong Batu, Kampung Pengkalan Gelap dan Kampung Benting Lintang.

Walaupun ada juga masalah laluan pelayaran di sebelah selatan, struktur benteng pemecah ombak tetapi ia tidak terlalu serius. Dalam hal ini, saya mencadangkan agar kerja-kerja pengerukan sungai diberi keutamaan di laluan pelayaran di utara struktur benteng pemecah ombak ini.

Yang ketiga, kerja-kerja *beach nourishment*. Di bawah skop projek ini, terdapat kerja-kerja *beach nourishment* sepanjang tiga kilometer di sebelah utara struktur benteng pemecah ombak. Mengikut ringkasan harga tender, kerja-kerja ini melibatkan kos sebanyak RM33 juta. Saya mendapat maklumat, ia hanya boleh bertahan selama lima tahun dan pada setiap lima tahun, kerja-kerja *beach nourishment* perlu dilakukan bagi mengelak kerosakan yang lebih serius. Malah kos ini akan bertambah mengikut peredaran masa.

Saya juga mengharapkan pihak kementerian sentiasa membuat pemantauan

terhadap kerja-kerja lebih yang telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Ini disebabkan, saya mendapat aduan daripada penternak ikan sangkar dan kolam udang yang mengatakan bahawa kawasan ternakan mereka telah dimasuki oleh air yang keruh dan berkeladak akibat pengerukan yang telah dibuat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

3.23 ptg

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Terima kasih juga kepada Kota Melaka. Soalan tadi menarik jugalah.

Jadi, pertamanya, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat berkaitan isu air cetek di laluan pelayaran bot dan masalah dialami oleh pengusaha ikan sangkar di sekitarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang melaksanakan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu, Terengganu. Kerja-kerja fizikal telah bermula di tapak pada Januari 2022. Kemajuan sehingga kini adalah 57.5 peratus dan berdasarkan jadual, projek ini dijangka siap pada Januari 2025.

Persoalan pertama mengenai pengerukan di kawasan ikan sangkar. Berdasarkan skop projek, kerja pengerukan laluan pelayaran bermula dari muka muara sehingga ke selatan sejauh 8,750 meter dan dari muka muara ke utara sejauh 6,100 meter. Kelebaran kerukan bagi alur pelayaran pula adalah 45 meter dengan kedalaman 3 meter dari aras air laut paling surut.

Pengerukan ini dilaksanakan bagi melancarkan navigasi dan laluan keluar masuk bot-bot nelayan di kawasan sekitar ke muara tanpa perlu menunggu air laut pasang. Kerja-kerja pengerukan di kawasan utara pula dilaksanakan pada jarak sehingga 500 meter sebelum lokasi ikan sangkar. Hal ini adalah dengan mengambil kira jarak selamat supaya tidak mengganggu dan menjelaskan aktiviti penternakan ikan sangkar sepanjang projek dijalankan.

Setelah projek ini siap kelak, masalah air cetek dan keruh dialami oleh pengusaha ikan sangkar akan dapat diatasi. Morfologi sungai juga akan berubah apabila kawasan akuakultur tersebut lebih dalam disebabkan pergerakan sedimen oleh arus lancar.

Soalan kedua, pengerukan di sebelah utara struktur pemecah ombak. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pengerukan di bahagian selatan dan utara struktur pemecah ombak juga di dalam skop projek ini. Kerja-kerja pengerukan tersebut dilaksanakan untuk melancarkan navigasi bot nelayan yang berlayar daripada Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kampung Fikri, Kampung Gong Batu, Kampung Pengkalan Gelap dan Kampung Benting Lintang. Kerja-kerja di tapak yang sedang dilaksanakan oleh kontraktor pada ketika ini adalah pengerukan laluan pelayaran di bahagian utara iaitu keutamaan dengan mengambil kira isu air yang lebih cetek berbanding kawasan lain.

Ketiga, kerja-kerja *beach nourishment* dengan izin. Skop kerja penyuburan pasir pantai dalam projek ini adalah bermula selepas struktur pemecah ombak ke bahagian utara sepanjang 3 kilometer dengan kelebaran 100 meter. Kajian Hidraulik Muara Sungai Setiu, Terengganu telah dilaksanakan untuk mendapatkan impak

hakisan pantai bagi tempoh lima tahun ke hadapan.

Hasilnya, adalah didapati kawasan pantai di bahagian utara akan menjadi lebih stabil secara semula jadi dan risiko hakisan adalah rendah akibat kerja-kerja penambakan dilaksanakan mengikut reka bentuk. Penyuburan pasir pantai di bahagian utara benteng pemecah ombak ini akan mengatasi masalah hakisan pantai pada masa hadapan dan pantai di kawasan ini akan menjadi stabil dalam tempoh lima tahun.

Selain itu, pemantauan berkala juga dijalankan agar kerja-kerja tidak memberi impak negatif kepada kawasan sekitar. Antara langkah-langkah pencegahan dan mitigasi dijalankan adalah pertama, pemasangan tirai penyekat kelodak di kawasan pengerukan dan di setiap cabang anak sungai sebelum kerja pengerukan dijalankan dan kedua, pemantauan kualiti air, udara, bunyi dan sedimen di beberapa lokasi berhampiran pada setiap bulan.

Laporan Kualiti Air dihantar ke Jabatan Alam Sekitar untuk pemantauan. Manakala kualiti air, udara, bunyi dan sedimen akan dipastikan tidak merosot daripada data kualiti sebelum projek dijalankan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kemungkinan kejadian air keruh dan berkelodak yang berlaku di tapak adalah akibat faktor luaran seperti aliran kelodak dari hulu sungai ke muara dan kawasan sekitar ketika hujan lebat. Dalam hal ini, kerajaan akan sentiasa memantau kerja-kerja di tapak bagi mengurangkan impak negatif kepada kawasan sekitar. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Berdasarkan kepada jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa kerja-kerja pengerukan ini di sebelah utara 500 meter dari kawasan sangkar ikan.

Jadi, kalau ikut cadangan daripada nelayanlah. Apa kata kalau kita panjangkan kerja pengerukan sehingga melibatkan kawasan ternakan terus supaya air di kawasan ternakan menjadi lancar. Sebab apabila tidak lancar menyebabkan kemasukan air masin. Apatah lagi bertemu dengan air tawar yang menyebabkan ikan hadapi kekurangan oksigen dan sebahagian besar ikan tadi yang diternak oleh mereka mati disebabkan kekurangan oksigen.

■1530

Saya difahamkan bahawa kos projek ini pada asalnya diluluskan sebanyak RM150 juta tetapi tender yang diberi kepada kontraktor sekitar RM116 juta. Jadi ada lebihan sebanyak dalam RM34 juta lagi. Kalau guna yang lebih tadi untuk menambahkan lagi skop projek supaya kawasan ternakan ikan ini juga digali ataupun dikorek ataupun bahasa yang lebih sesuai ialah pengerukan, kita dalamkan muara supaya air dapat mengalir dengan lancarlah. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato' Yang di-Petua, terima kasih kepada YB Setiu. Sebelum projek ini dimulakan sememangnya kajian perlu dilaksanakan. Jadi seperti yang saya nyatakan tadi memang ada satu laporan Kajian Hidraulik Muara Sungai Setiu yang telah dilaksanakan. Maka sebab itu berdasarkan pertimbangan yang dibuat, antara isu yang ditimbulkan mengenai penternakan ikan sangkar tadi asasnya adalah untuk kita –Yang Berhormat pun bawa tadi untuk kita tidak mahu mengganggu perniagaan ataupun penternakan mereka. Itu satu perkara yang kita kena teliti sebab ianya melibatkan 70 kumpulan penternak.

Tetapi yang dari segi asas sainsnya ataupun yang lebih hidrauliknya adalah

apabila kita mendalamkan kawasan muara sungai tersebut dari segi morfologinya akan berubah. Bermaksud bila kawasan hilirnya didalamkan, maka secara semula jadinya sedimen di atas beting pasir di sebelah hulu tadi akan mula berubah akibat di kawasan muara itu kita telah dalamkan. Jadi, perkara ini adalah berdasarkan laporan hidraulik yang telah dilaksanakan. Maka sebab itu pertimbangan skop kerja itu berpandukan kepada laporan tersebut.

Jadi untuk makluman kepada Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak bercadanglah untuk mengubah skop kerja yang ada sebab kita berpandukan kepada laporan yang telah dibuat. Cuma yang ini juga mungkin Yang Berhormat boleh membantu pihak kementerian untuk menjelaskan perkara ini kepada mereka yang berkepentinganlah sama ada di sebelah nelayan maupun juga di sebelah penternak ikan sangkar tadi supaya perkara ini dilihat bukan kita sengaja dari segi skop kerja itu kita nak pendekkan ataupun sebagainya.

Akan tetapi ini berdasarkan kajian hidraulik yang telah dibuat oleh pihak konsultan dan kita kemudiannya menetapkan dari segi kadar kos projek keseluruhannya itu berdasarkan laporan teknikal yang telah dibuat. Terima kasih Dato' Yang di-Petua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]:
Setiausaha.

**NAIK TARAF MINI STADIUM SUNGAI TAROM,
SERTA BINA BAHARU DAN BAIK PULIH KEMUDAHAN SUKAN
DI PARLIMEN SETIU**

3.34 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Dato' Yang di-Petua. Saya ingin menarik perhatian terhadap isu berkait dengan cadangan menaik taraf Mini Stadium Sungai Tarom, serta bina baharu dan baik pulih fasiliti sukan di kawasan Parlimen Setiu.

Untuk makluman Dato' Yang di-Petua, Parlimen Setiu telah melahirkan ramai atlet sukan yang mewakili negara dalam pelbagai acara sukan seperti Hairuddin Omar, Zubir Azmi, Rahadiazli bin Rahalim dalam bidang bola sepak. Azreen Nabilah dalam acara pecut 100 meter olahraga, Zulfiqar Ali dalam 100 meter olahraga dan lain-lain lagi.

Namun begitu, sehingga kini isu kekurangan kemudahan infrastruktur sukan dan fasiliti sukan di Setiu masih lagi membelenggu para atlet. Antaranya Mini Stadium Sungai Tarom yang menjadi gelanggang kejohanan sukan masih lagi tidak di selenggara dengan baik merangkum bidang kerja seperti berikut:

- (i) membina padang sintetik yang dianggarkan bernilai RM2.5 juta;
- (ii) membina sistem saliran bernilai RM500,000;
- (iii) menaik taraf fasiliti sukan sedia ada bernilai RM1 juta;
- (iv) pencahayaan kawasan bernilai RM500,000;
- (v) kerja landskap bernilai RM500,000; dan
- (vi) membina kios ruang niaga bernilai RM1 juta.

Untuk makluman, pihak Majlis Daerah Setiu sebelum ini telah membentangkan isu ini dalam *Rolling Plan Ketiga*, Rancangan Malaysia Kesebelas untuk diangkat ke Kementerian Belia dan Sukan yang kos RM4 juta yang turut

termasuk membina padang sintetik dan menaik taraf kemudahan sukan Sungai Tarom.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu terdapat gelanggang futsal yang telah mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan. Antaranya ialah Gelanggang Futsal Tertutup di Kampung Beris Tok Ku dalam DUN Permaisuri. Kos baik pulih padang tersebut dianggarkan melebihi mencecah RM200,000. Di samping itu, Gelanggang Futsal Tertutup Kampung Gong Sekolah di DUN Batu Rakit yang mengalami kerosakan bumbung sehingga terpaksa dibuang bumbung tersebut kerana dibimbangi akan membahayakan pengguna terutama apabila berlaku kejadian ribut dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukan ping pong menjadi salah satu acara sukan yang diminati ramai. Namun masih belum wujud fasiliti khusus untuk sukan ping pong di Setiu yang hanya mampu menumpang di gelanggang futsal yang telah diubahsuai sebagai dewan ping pong. Saya memohon agar dibina satu dewan yang khusus untuk sukan ping pong dengan kadar segera, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

3.36 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Puan Hannah Yeoh Tseow Suan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu. Keprihatinan Yang Berhormat dalam soal kemudahan sukan di Parlimen Setiu amat saya sanjungi.

Sememangnya menjadi keutamaan Kementerian Belia dan Sukan untuk membina baharu serta menaik taraf kemudahan sukan sedia ada bagi memastikan pembangunan kemudahan sukan yang seimbang di seluruh negara dan dapat didapati oleh semua golongan masyarakat tertakluk kepada peruntukan semasa.

Pada masa ini, KBS tiada perancangan untuk menaik taraf *mini stadium* di Sungai Tarom, Setiu dan membina sebuah dewan ping pong di Sungai Tarom. Aspek-aspek seperti penyelenggaraan berkala serta pengurusan kemudahan sukan perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu permohonan diangkat untuk tujuan pertimbangan lanjut.

KBS mencadangkan agar permohonan baik pulih boleh menggunakan peruntukan kerajaan dari negeri bagi mempercepatkan proses baik pulih dengan anggaran kos yang lebih bersesuaian kerana keutamaan KBS adalah untuk membina dan menaik taraf fasiliti ataupun premis di bawah tanggungjawab kementerian sendiri. KBS juga telah menyemak dan meneliti berkenaan sejarah permohonan projek ini, namun tiada sebarang permohonan rasmi projek dimasukkan di bawah senarai Rancangan Malaysia Kesebelas.

KBS ingin menegaskan bahawa apa-apa yang dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat tidak menjadikan ia kemestian untuk kementerian mempertimbangkan kerana segala permohonan perlu disusuli dengan surat rasmi dan agensi pusat memerlukan maklumat terperinci untuk meneliti dan meluluskan sesuatu permohonan.

Selain itu sebarang permohonan untuk membina baharu fasiliti sukan seperti pembinaan sebuah dewan ping pong perlu menitikberatkan soal lokasi dan ketersediaan tapak. KBS ingin menarik perhatian berkenaan isu ketersediaan tapak dalam pembinaan kemudahan sukan tertentu. Menerusi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, salah satu kriteria penting dalam pemilihan projek ialah perolehan

tanah yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan perlu dipindah milik serta didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berkenaan permohonan naik taraf dan bina baharu kemudahan sukan di kementerian ini. Sebarang permohonan projek baharu dan naik taraf fasiliti selain di bawah KBS, memerlukan pengesahan serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana pembangunan infrastruktur sukan memerlukan perancangan khusus serta rapi daripada kerajaan negeri kerana kos penyelenggaraannya adalah tinggi serta melibatkan pertambahan perjawatan bagi menguruskannya. Oleh itu, KBS hanya akan mengutamakan fasiliti-fasiliti yang telah diberi kelulusan oleh kerajaan negeri untuk dibina baru dan dinaik taraf.

Mengenai baik pulih gelanggang futsal di Kampung Beris Tokku, DUN Permaisuri dan di Kampung Gong Sekolah, DUN Batu Rakit. KBS perlu mengenal pasti pemilik kemudahan sukan tersebut sebelum gelanggang tersebut boleh dipertimbangkan untuk tujuan naik taraf dan baik pulih. Asas pertimbangan adalah kemudahan sukan tersebut mesti dimiliki serta diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan dan bukannya milik persendirian ataupun swasta. Kementerian ini hanya akan mengkaji dan mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan khusus daripada pemilik gelanggang iaitu PBT sendiri.

■1540

Akhir sekali, tanggungjawab untuk membina kemudahan sukan bukanlah terletak di bahu KBS semata-mata, bahkan ia melibatkan usaha kolektif dan kerjasama daripada pihak lain termasuklah kerajaan negeri dan PBT.

Justeru itu, Kerajaan Negeri dan PBT boleh memainkan peranan yang signifikan dalam mewujudkan jaringan kerjasama dengan pihak swasta untuk merancang, membina dan menaik taraf kemudahan sukan di Parlimen Setiu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Menteri atas jawapan yang diberikan. Untuk makluman Menteri, baru-baru ini pihak KBS telah meminta senarai daripada Pejabat Daerah untuk dikenal pasti mana-mana tempat yang perlu di baik pulih dan Parlimen Setiu ini melibatkan tiga pentadbiran Daerah. Sebab DUN Jabi, Parlimen Setiu tetapi dalam daerah Besut. DUN Permaisuri dan DUN Langkap dalam Parlimen Setiu tetapi daerahnya Setiu. Tetapi DUN Batu Rakit terletak dalam Parlimen Setiu tetapi DUN dalam daerah Kuala Nerus. Jadi, saya ini Ahli Parlimen Setiu tetapi melibatkan tiga pentadbiran daerahlah.

Jadi, saya dimaklumkan kesemua tempat-tempat yang dikenal pasti mengalami kerosakan sukan tersebut dulunya dibina oleh KBS. Setelah diangkat permohonan oleh daerah-daerah tersebut dan saya mengharapkan pertimbangan daripada kementerianlah. Kalau tengok Setiu itu kena pertimbangkan sedikitlah.

Yang kedua, untuk makluman Menteri, sekarang ini Pejabat Belia Sukan dalam daerah Setiu masih lagi menyewa. Kalau dahulu dia di bangunan lama yang telah uzur. Baru pindah ke bangunan baharu pun disewa juga.

Jadi, saya mencadangkan KBS ini, Pejabat Belia Daerah Setiu bercadang kalaularah sekiranya dibina kompleks sukan ini ataupun dinaik taraf *mini stadium* Sungai Tarom tadi dicadang supaya bukan sahaja dia menyediakan kemudahan sukan kepada para atlet. Dia juga dapat dibina bangunan pejabat untuk Pejabat Belia

Sukan Setiu yang baharu. Jadi, saya setuju dengan cadangan tersebut. Minta pertimbangan daripada Menteri.

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertamanya seperti yang dimaklumkan, mini stadium ini perlukan permohonan rasmi daripada pemilik. Kalau kerajaan negeri, dia mesti datang daripada pemilik tersebut. Apa yang kita selalu dapat adalah permohonan ADUN, Ahli Parlimen, berbeza dengan senarai yang dihantar oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Saya bagi contoh seperti di Sabah. Kita hendak fokus isu renang. Kita hendak baiki kolam renang tetapi Kerajaan Negeri kata *maintenance* sangat mahal. Jangan, kita tak nak terima kalau naik taraf ini. Kita lebih suka kalau naik taraf *facility* yang lain.

Jadi, bila EXCO Kerajaan Negeri ada senarai yang berbeza daripada Ahli Parlimen ataupun ADUN, KBS jadi serba salah. Oleh sebab itu, KBS hanya akan meneliti permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri dahulu kerana kalau *facility* itu dimiliki oleh kerajaan negeri, mereka merupakan pemilik tanah. Yang itu penting. Sebagai pemilik tanah, kalau Ahli Parlimen minta, pemilik tanah boleh kata saya tidak setuju, saya tak nak. Okey, itu yang pertama.

Yang keduanya, kalau *mini stadium* ini dimiliki oleh kerajaan negeri, tidak mungkin mereka akan membenarkan agensi kerajaan persekutuan untuk meletakkan *office* mereka di sana. Itu sebab kebenaran pemilik tanah itu sangat penting. Kita ada seperti di Panasonic Stadium di Shah Alam sekarang, di mana kita ambil semula daripada kontraktor. Itu adalah *facility* KBS. Jadi, senang untuk kita naik taraf. Dan apabila kita naik taraf, memang kita akan meletakkan Pejabat JBSN Negeri Selangor di sana. So, memang ada moral tersebut tetapi yang paling penting permohonan itu mesti datang daripada pemilik tanah. Kerajaan negeri kita syorkan yang itu senang.

Untuk pin pong Yang Berhormat, meja pin pong itu sangat murah. Tetapi kalau kita hendak bina dewan untuk letak meja pin pong itu agak tidak berbaloiyah. Kalau saya, saya hendak gunakan duit itu untuk beli meja pin pong untuk pastikan lebih ramai lagi dapat bersama. Oleh sebab itu, sehingga sekarang di peringkat nasional pun kumpulan ataupun pelatih pin pong masih tidak ada *facility* untuk kita satu tempat di mana kita boleh letak semua meja pin pong.

Kita sentiasa sekarang buat *partnership* dengan *shopping mall*. Di mana *shopping mall* dia perlukan orang masuk. Dia ada tempat tetapi dia tak nak buat aktiviti sendiri. Itu sebab sekarang melalui konsep rakan muda, kita buat *partnership* dengan *mall*. *Mall* jemput kita masuk, kita bawa persatuan sukan masuk. Jadi, persatuan sukan tumpang tempat itu. Kita tidak payah bina *facility* khas.

So, ada banyak model *partnership* yang Yang Berhormat boleh pertimbangkan tetapi saya lihat yang paling penting adalah untuk berbincang dengan EXCO Sukan Kerajaan Negeri Terengganu dahulu supaya permohonan itu bila mereka bawa senang. Semua lapisan sudah bersetuju. Itu sahaja.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tetapi saya hendak pastikan legislatif baharu itu di bawah negeri ke di bawah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, mungkin saya boleh *share* pengalaman sedikitlah kan. Yang Berhormat, saya *share* sedikit. Nombor satu, tanah Majlis Daerah. Selepas itu EXCO. *Paper* itu sekali baru angkat. Itu pengalaman sayalah.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *[Tidak menggunakan pemberas suara]* Setahu saya, *[Tidak Jelas]* memang di bawah *[Tidak Jelas]*. Diangkat dahulu permohonan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, nanti bincang di luarlah saya rasa sesuai. Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini

tamatlah sesi ucapan di bawah usul berkenaan Perkara Takbir Kerajaan Peraturan Mesyuarat 17 pada hari ini. Kamar Khas ini akan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 2 Julai 2024 jam 2.30 petang.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.46 petang]